

- 1 Antara berikut, manakah ciri kualitatif asas Penyata Kewangan?
- I Pemasaan
 - II Kerelevanan
 - III Perwakilan benar
 - IV Kebolehbandingan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 2 Berapakah bilangan maksimum rakan kongsi yang dibenarkan untuk sebuah perkongsian profesional?
- A 2 orang
 - B 20 orang
 - C 50 orang
 - D Tiada had

Selamat mengulangkaji dari
channel soalan percubaan spm

3. Urus niaga berikut berlaku dalam Perniagaan Ayu.

P	Q
Puan Ayu membawa masuk sebuah komputer riba bernilai RM2 500 untuk memudahkan perniagaan menjual secara atas talian.	Puan Ayu mengeluarkan cek bernilai RM500 untuk membayar yuran tuisyen anaknya.

Apakah kesan urus niaga P dan Q terhadap Ekuiti Pemilik?

	P	Q
A	Berkurang	Berkurang
B	Bertambah	Bertambah
C	Berkurang	Bertambah
D	Bertambah	Berkurang

4. Apakah dokumen yang perlu dikeluarkan oleh penjual sekiranya invois yang dihantar kepada pelanggan terkurang caj?

- A Nota debit
- B Nota kredit
- C Makluman debit
- D Makluman kredit

- 5 Pada 1 April 2022, Kedai Runcit Amir telah menerima invois bernombor INV. 2218 bagi belian sebuah mesin daftar tunai daripada Pembekal Alatan Pejabat Mega bernilai RM4 200.

Bagaimanakah urus niaga tersebut direkodkan dalam buku akaun Kedai Runcit Amir?

Jurnal Am

A

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2022			RM	RM
Apr. 1	Belian Pembekal Alatan Pejabat Mega		4 200	4 200

Jurnal Am

B

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2022			RM	RM
Apr. 1	Alatan pejabat Pembekal Alatan Pejabat Mega		4 200	4 200

Jurnal Belian

C

Tarikh	Butir	Fol.	No. Invois	Kredit
2022				RM
Apr. 1	Alatan pejabat		INV. 2218	4 200

Jurnal Belian

D

Tarikh	Butir	Fol.	No. Invois	Kredit
2022				RM
Apr. 1	Pembekal Alatan Pejabat Mega		INV. 2218	4 200

- 6 Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Perniagaan Haslin.

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit	Analisis Bayaran	
					Pos	Tambang
2022			RM	RM	RM	RM
Jan. 1	Bank		350			
7	Kurier			12	12	
15	Minyak dan tol			56		56
			350	68	12	56
31	Baki h/b			282		
			350	350		

Berapakah jumlah bayaran balik yang akan diterima daripada ketua juruwang pada 1 Februari 2022?

- A RM12
 B RM56
 C RM68
 D RM282
- 7 Pemilik Butik Anggun Zalinda telah mengeluarkan tiga pasang baju untuk diberikan kepada pelanggan yang bertuah.

Apakah catatan bergu untuk urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Belian
B	Promosi	Belian
C	Belian	Ambilan
D	Belian	Promosi

- 8 Akaun Kawalan Belum Terima berikut diperoleh daripada Kedai Sahabat.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Akaun Belum Terima	1 460	1 380

Maklumat tambahan:

- i. Penerimaan daripada Akaun Belum Terima sepanjang tahun 2021 berjumlah RM14 840.
- ii. Jualan tunai RM7 320.

Berapakah jumlah jualan?

- A RM14 760
 - B RM14 920
 - C RM22 080
 - D RM22 240
- 9 Pilih item yang dicatat di bahagian debit dalam Imbangan Duga.
- A Perabot dan pinjaman
 - B Kenderaan dan modal
 - C Premis dan faedah atas overdraf bank
 - D Akaun Belum Bayar dan faedah atas simpanan
- 10 Antara berikut, manakah item yang tidak dicatat dalam Imbangan Duga?
- A Sewa
 - B Inventori akhir
 - C Akaun Belum Bayar
 - D Pulangan masuk

11 Antara berikut, manakah item yang direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- I Premis
- II Alat tulis
- III Overdraf bank
- IV Kadar bayaran

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

12 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Kedai Jahit Myra.

Akaun Sewa					
2022		RM	2022		RM
Mei 31	Bank	740	Mei 31	Untung Rugi	440
				Baki h/b	300

Manakah pernyataan yang menerangkan catatan di atas?

- A Sewa telah dibayar adalah RM440
- B Sewa akan dibayar adalah RM740
- C Sewa yang terlebih bayar adalah RM300
- D Sewa yang sepatutnya dibayar adalah RM300

13 Puan Saputriwani menerima gaji pokok sebanyak RM3 000 sebulan. Pada akhir tempoh perakaunan, jumlah gaji pekerja dalam Imbangan Duga ialah sebanyak RM40 000.

Berapakah jumlah gaji yang perlu direkod dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM43 000
- B RM40 000
- C RM37 000
- D RM36 000

14 Maklumat berikut merujuk kepada sejenis belanja.

- Belanja yang perlu dibayar untuk sesuatu tempoh perakaunan.
- Belanja ini masih belum dijelaskan hingga akhir tempoh perakaunan.

Pilih belanja yang sesuai bagi pernyataan di atas.

- A Gaji belum bayar
- B Komisen belum terima
- C Sewa belum terperoleh
- D Insuran prabayar

15 Apakah catatan bergu untuk merekod hutang lapuk?

	Debit	Kredit
A	Akaun Hutang Lapuk	Akaun Belum Bayar
B	Akaun Hutang Lapuk	Akaun Belum Terima
C	Akaun Belum Terima	Akaun Hutang Lapuk
D	Akaun Belum Bayar	Akaun Hutang Lapuk

- 16 Maklumat di bawah menunjukkan Akaun Mesin dan Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin bagi suatu firma bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Akaun Mesin

		RM
2021		
Jan. 1	Baki b/b	40 000

Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin

		2021	RM
Jan. 1	Baki b/b		4 000

Polisi firma menggariskan bahawa mesin hendaklah disusut nilai menggunakan kaedah baki berkurangan pada kadar 10% setahun.

Berapakah susut nilai mesin bagi tahun berakhir 31 Disember 2021?

- A RM3 600
- B RM3 900
- C RM4 000
- D RM8 000

- 17 Maklumat di bawah menunjukkan butiran pelupusan Aset Bukan Semasa Perkongsian Lux semasa pembubarannya.

Aset Bukan Semasa	Kos RM	Susut Nilai Terkumpul RM	Harga Jualan RM	Untung / Rugi Pelupusan RM
Alatan Pejabat	10 000	6 000	5 500	X
Kenderaan	38 000	19 000	Y	Rugi 2 000

Berapakah nilai X dan Y?

	X	Y
A	Untung RM1 500	RM17 000
B	Rugi RM4 500	RM21 000
C	Untung RM4 500	RM17 000
D	Rugi RM1 500	RM21 000

- 18 Petikan Imbangan Duga Terselaras berikut diperolehi daripada Perniagaan Panthene.

Imbangan Duga Terselaras pada 30 Jun 2021

	Debit RM	Kredit RM
M	2 000	
N		4 500

Pilih pelarasan yang bersesuaian bagi M dan N.

- I M: Hutang Lapuk, N: Peruntukan Hutang Ragu
- II M: Susut Nilai Kenderaan, N: Belanja Am Belum Bayar
- III M: Hutang Lapuk Terpuh, N: Susut Nilai Terkumpul Perabot
- IV M: Sewa Belum Terperoleh, N: Insurans Prabayar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 19 Maklumat di bawah menunjukkan senarai belanja dan hasil Perniagaan Dettole pada 31 Disember 2021.

Untung kasar sebanyak RM49 600 diperoleh sebelum belanja dan hasil berikut direkodkan.

	RM
Komisen diterima	4 500
Insurans	2 000
Alat tulis	280
Hutang lapuk terpulih	1 000
Susut nilai lengkapan	600
Hutang ragu	240
Faedah atas simpanan tetap	320
Kadar bayaran	410
Gaji	2 800

Berapakah untung bersih?

- A RM45 850
 B RM46 490
 C RM48 490
 D RM49 090
- 20 Kesilapan yang berlaku tidak memberi kesan terhadap keseimbangan Imbangan Duga.

Apakah jenis kesilapan yang dimaksudkan?

- A Kesilapan merekod urus niaga pada satu akaun sahaja
 B Kesilapan catatan urus niaga yang terbalik atau songsang
 C Kesilapan pindahan dari Lejar ke dalam Imbangan Duga
 D Kesilapan pengiraan semasa menyediakan Buku Catatan Pertama

- 21 Jumlah Imbangan Duga Perniagaan May pada 30 September 2021 di bahagian debit dan di bahagian kredit ialah RM53 800.

Pada tarikh imbangan tersebut, dua kesilapan telah dikenal pasti:

- Belian barang niaga sebanyak RM1 400 daripada Pembekal Eazy belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- Kadar bayaran terkurang rekod RM300.

Berapakah jumlah Imbangan Duga Terselaras selepas kesilapan dibetulkan?

- A RM55 500
B RM54 900
C RM52 700
D RM52 100
- 22 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Buku Fellow.

	RM
Akaun Belum Terima	6 300
Akaun Belum Bayar	5 000
Bank	8 500
Inventori akhir	?
Nisbah Semasa	4.4 : 1

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM5 800
B RM6 500
C RM7 200
D RM8 100

23 Pada 1 Januari 2021, modal Perniagaan Kedai Alat Tulis milik Puan Chomel ialah RM35 000.

Buku perniagaannya menunjukkan baki-baki berikut pada 31 Disember 2021.

	RM
Lengkapan	10 500
Tunai	1 200
Bank	28 000
Inventori akhir	5 400
Akaun Belum Terima	6 700
Akaun Belum Bayar	3 100

Maklumat tambahan:

- i. Pada 1 Julai 2021, pemilik telah memasukkan sebuah komputer bernilai RM3 000 ke dalam perniagaan.
- ii. Pemilik telah membuat ambilan RM300 setiap bulan untuk membayar tuisyen anaknya.

Berapakah untung atau rugi perniagaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021?

- A Untung bersih RM14 300
- B Untung bersih RM13 100
- C Rugi bersih RM14 300
- D Rugi bersih RM13 100

- 24 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Encik Siva.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
Insurans Prabayar	720	1 280
Komisen Belum Terima	670	880

Sepanjang tahun 2021, insurans yang telah dibayar ialah RM5 400 manakala komisen yang telah diterima ialah RM1 040.

Berapakah insurans dibayar sebenar dan komisen diterima sebenar dalam tahun 2021?

	Insurans RM	Komisen RM
A	3 400	510
B	5 960	830
C	4 840	1 250
D	7 400	2 590

- 25 Apakah tujuan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank?

- A Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk
- B Mengawal penerimaan dan pembayaran dengan cek
- C Menyelaraskan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
- D Merekod baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank

- 26 Maklumat berikut diperolehi daripada Mewah Holdings.

	RM
Baki buku tunai	18 400
Deposit belum dikreditkan	2 400
Cek belum dikemukakan	1 800

Berapakah baki di Penyata Bank?

- A RM22 600
- B RM19 000
- C RM17 800
- D RM14 200

- 27 Antara berikut, manakah butiran yang diambil kira dalam penyediaan Belanjawan Tunai?
- I Modal tambahan aset bukan semasa
 - II Belian barang niaga
 - III Pinjaman bank
 - IV Susut nilai aset bukan semasa
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 28 Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat semasa menubuhkan perniagaan mereka?
- A Ikatan Perkongsian
 - B Akta Perkongsian 1961
 - C Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
 - D Perjanjian Perkongsian
- 29 Apakah butiran yang direkodkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?
- A Faedah atas pinjaman
 - B Faedah atas modal
 - C Gaji belum bayar
 - D Ambilan

- 30 Eusof dan Laila merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian Sehati. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan mereka pada 31 Oktober 2022.

	RM
Pinjaman daripada Eusof	20 000
Faedah pinjaman yang telah dibayar	700
Kadar faedah atas pinjaman – 6%	

Berapakah faedah atas pinjaman yang akan direkodkan dalam Akaun Semasa Eusof?

- A RM1 900
B RM1 200
C RM700
D RM500
- 31 Perkongsian Jemy & Co. telah dibubarkan. Jumlah aset RM70 000 telah direalis sebanyak RM58 000. Kos pembubaran yang ditanggung ialah RM800. Liabiliti telah dijelaskan sepenuhnya RM3 800.
- Berapakah rugi realisasi?
- A RM12 800
B RM11 200
C RM9 000
D RM7 400
- 32 Apakah bentuk keuntungan syarikat berhad yang akan diagihkan kepada pemegang syernya?
- A Komisen
B Dividen
C Faedah
D Bonus

- 33 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Syarikat Alam Berhad.

Syarikat Alam Berhad telah menerbitkan 200 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 800 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan berbayar penuh.

Pilih catatan ekuiti pemilik yang betul.

A

Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
200 000 unit 8% Syer Keutamaan RM1.00 sesyer	200 000
800 000 unit Syer Biasa RM0.50 sesyer	400 000
	<u>600 000</u>

B

Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
200 000 unit 8% Syer Keutamaan	200 000
800 000 unit Syer Biasa	400 000
	<u>600 000</u>

C

Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
200 000 unit 8% Syer Keutamaan RM1.00 sesyer	160 000
800 000 unit Syer Biasa RM0.50 sesyer	400 000
	<u>560 000</u>

D

Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
200 000 unit 8% Syer Keutamaan	160 000
800 000 unit Syer Biasa	800 000
	<u>960 000</u>

- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan syer yang dibeli oleh Encik Tham.

Pada 1 Januari 2021, Encik Tham telah membeli 20 000 unit 8% Syer Keutamaan dengan RM2 sesyer. Pada 30 Jun 2021, lembaga pengarah telah mengisytiharkan dividen interim Syer Keutamaan 8%.

Berapakah dividen interim yang diterima oleh Encik Tham?

- A RM1 200
 B RM1 600
 C RM3 200
 D RM4 200
- 35 Apakah sumber kewangan utama kelab dan persatuan?
 A Yuran ahli
 B Yuran masuk
 C Faedah atas pelaburan
 D Kutipan sewa gelanggang
- 36 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Kesenian Indah.

Akaun Yuran			
	RM		RM
2022		2022	
Mac 1 P	350	Mac 31 Bank	5 360
31 Pendapatan dan perbelanjaan	5 060	R	150
Q	100		
	5 510		5 510

Apakah Q?

- A Yuran tahunan
 B Yuran belum bayar
 C Yuran belum terima
 D Yuran belum terperoleh

37 Maklumat berikut diambil daripada Kelab Rekreasi Tropicana.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Yuran belum terima	140	250

Maklumat tambahan:

- i. Jumlah yuran yang diterima sepanjang tahun 2021 ialah RM2 400 termasuk RM60 untuk tahun 2022.

Berapakah yuran yang direkod dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan dalam tahun 2021?

- A RM2 290
 B RM2 350
 C RM2 450
 D RM2 510

38 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Kasut Star.

	RM
Sewa pejabat	3 500
Kerja dalam proses awal	6 780
Kerja dalam proses akhir	6 540
Kos buruh langsung	7 360
Kos bahan langsung digunakan	10 840
Kos overhead	12 860

Berapakah kos pengeluaran Kilang Kasut Star?

- A RM30 820
 B RM31 300
 C RM34 320
 D RM34 800

- 39 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan sebuah firma pengeluaran alatan sukan.

	RM
Alatan kilang	60 000
Insurans kilang	3 900
Gaji operator kilang	7 000
Sewa kilang	5 000
Elektrik dan air kilang	1 250

Maklumat tambahan:

- i. Alatan kilang disusutnilaikan pada kadar 15% setahun atas kos.

Berapakah nilai kos overhead?

- A RM10 150
 B RM17 150
 C RM19 150
 D RM26 150
- 40 Tanjung Enterprise menjalankan perniagaan pengeluaran produk alatan dapur. Kos yang terlibat dalam pengeluaran tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Kos tetap	2 800
Kos berubah seunit	50
Harga jualan seunit	90

Berapakah unit yang perlu dihasilkan oleh Tanjung Enterprise sekiranya kos berubah meningkat sebanyak 10%?

- A 70
 B 76
 C 80
 D 86

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Selamat menduduki channel telegram
 Soalan percubaan spm